



Sungai cetek akibat pembalakan

■ Pegawai Daerah, Pengarah JPS beri sebab sebalik kejadian banjir di Hulu Terengganu

Helmy Abd Rahman dan Nazdy Harun am@hmetro.com.my

Hulu Terengganu

Walaupun kadar taburan hujan yang tinggi dikatakan menjadi punca utama berlakunya banjir besar di daerah ini bulan lalu, tetapi beberapa faktor lain antaranya sungai cetek dikenal pasti penyebabnya.

Pegawai Daerah Hulu Terengganu Azmi Razik berkata, pihaknya sedia maklum mengenai permasalahan sungai cetek terutama membabitkan Sungai Telemong dan anak sungainya.

“Selain faktor kadar taburan hujan lebat, keadaan sungai cetek juga mendorong limpahan air sungai berlaku dengan cepat ke kampung berhampiran berikutan tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

“Sungai itu cetek disebabkan berlaku mendapan di kawasan terbabit dan diakui ia adalah kesan daripada aktiviti pembalakan yang berlaku mungkin antara 10 hingga 15 tahun lalu.

“Walaupun aktiviti pembalakan sudah lama berakhir, tetapi inilah kesannya jika ia tidak dikawal dan penduduk menerima musibahnya,” katanya.

Menurut beliau, pihaknya akan melakukan perbincangan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi kerja mendalamkan sungai dan menaik taraf laluan yang sering ditenggelami banjir.

“Peruntukan sebanyak RM20 juta juga diperlukan bagi menaikkan aras Jalan



PENGERUSI Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Basung, Mamat Mat Amin, 66, menunjukkan keadaan sungai yang semakin cetek.



LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

Kampung Paya Besar iaitu laluan utama dari Kuala Terengganu ke Kuala Berang yang sering ditenggelami banjir hingga mengakibatkan laluan berkenaan tidak dapat

dilalui apabila berlakunya bencana berkenaan.

“Selain pembalakan, hakisan tebing juga faktor yang mengakibatkan berlakunya

mendapan hingga menyebabkan sungai di daerah ini cetek,” katanya.

Menurutnya, sistem aliran sungai terutama kawasan Kampung Basung, Kepah dan Tengkanan serta sekitarnya mengalami mendapan hingga tiga meter dan ia mengakibatkan sungai terbabit tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu C Poo-balan berkata, hujan lebat dan sungai tidak dapat menampung air lari iaitu baki hujan yang mengalir di permukaan tanah menjadi punca utama berlaku banjir

luar biasa di daerah Hulu Terengganu.

Katanya, keadaan itu berlaku disebabkan pelbagai aktiviti yang dijalankan di bahagian hulu sungai termasuk juga jika berlaku pembalakan kerana ia boleh menyebabkan terjadinya pertambahan air larian.

“Apa saja aktiviti di hulu sungai sa-

ma ada pembalakan, pembangunan perumahan atau perindustrian akan menyebabkan pertambahan air larian.

“Sekiranya aktiviti seperti itu tidak terkawal semua keladak kesan daripada kegiatan terbabit semuanya akan masuk ke sungai dan lama-kelamaan ia akan menjejaskannya.

“Keadaan ini boleh menyebabkan sungai menjadi cetek. Setiap aktiviti yang dijalankan perlu mengikut garis panduan Pelan Kawalan Kelodak Dan Hakisan (ESCP) dari segi penyediaan kolam takungan kelodak,” katanya.

Menurutnya, menjadi amalan biasa untuk semua sungai, di negara ini diselenggara secara berkala mengikut kadar hakisan yang berlaku.

“Ada sungai yang perlu dikorek setiap tiga atau lima tahun sekali. JPS akan membuat penyelenggaraan sungai mengikut keutamaan dan peruntukan yang disediakan,” katanya.



“Sungai itu cetek disebabkan berlaku mendapan Azmi Razik”

Jabatan Perhutanan Terengganu tolak dakwaan

giatan pembalakan di Hulu Terengganu dan tidak mungkin akan ada kesan hingga sungai cetek di kawasan itu.

“Dakwaan penduduk kampung terutamanya mangsa banjir bahawa musibah itu berlaku akibat kegiatan pembalakan sama sekali adalah tidak benar.

“Saya boleh sahkan pada masa ini tiada kes pembalakan di Hulu Terengganu seperti yang didakwa. “Seperti kita sedia maklum

bahawa Jabatan Meteorologi mengesahkan banjir yang berlaku pada awal tahun ini disebabkan jumlah hujan amat banyak jadi ia tiada kaitan dengan kegiatan pembalakan,” katanya.

Kenyataan Ahmad Fadzil disokong Pensyarah Universiti Malaysia Terengganu

(UMT) dan pakar hidrologi Dr Edlic Sathiamurthy yang mengatakan aktiviti pembalakan di Hulu Terengganu tidak akan menjadi punca sungai sekitar daerah itu menjadi cetek.

Kata beliau, jika benar berlaku aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan seperti yang didakwa, ia tetap

tidak akan menyebabkan sungai terbabit cetek.

Menurutnya, sekiranya ada berlaku mendapan tanah hasil aktiviti kesan pembalakan di daerah berkenaan, ia tidak akan dapat memasuki ke sungai terbabit.

Menurutnya, mendapan yang berlaku akibat aktiviti terbabit akan terhalang berikutan kewujudan Empangan Kenyir dan tidak akan menyebabkan berlakunya sungai cetek.

“Dakwaan bahawa aktiviti pembalakan atau penerokaan hutan menyebabkan sungai di Hulu Terengganu jadi cetek adalah tidak tepat dan boleh dikatakan tidak mungkin berlaku kerana adanya Empangan Kenyir,” katanya.

Beliau menjelaskan, kejadian banjir luar biasa yang melanda Hulu Terengganu pada awal bulan lalu adalah disebabkan taburan hujan lebih tinggi berbanding musim tengkujuh sebelum ini.



Kuala Terengganu: Jabatan Perhutanan negeri menolak dakwaan segelintir pihak kononnya banjir yang berlaku di kawasan Hulu Terengganu pada awal tahun ini berpunca daripada kegiatan pembalakan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, tiada aktiviti pembalakan seperti yang didakwa di kawasan hutan berhampiran hingga menyebabkan sungai menjadi cetek.

Menurutnya, pihaknya tidak mengesan sebarang ke-